

# Konsep derma RM1 bina masjid UMP kampus Pekan

BH(WILAYAH) 14/12/19 C Khamis m/s : C7

**Kuantan:** Hanya dengan serendah RM1, orang ramai boleh menyumbang bagi pembinaan masjid kampus utama Universiti Malaysia Pahang (UMP) di Kuala Pahang, Pekan menerusi konsep wakaf.

Selain kakitangan universiti berkenaan, usaha mengumpul dana menerusi konsep berkenaan turut membabitkan pelajar yang menubuhkan Jawatankuasa Mahasiswa Bina Masjid diketuai pelajar Tahun Akhir Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Mohd Redzuad Ras Abdul Rask.

Mohd Redzuad Ras berkata, pihaknya menyasar mengumpul dana berjumlah RM1.5 juta menjelang hujung tahun 2019 untuk disumbangkan kepada UMP, bagi pembinaan masjid moden membabitkan kos RM21 juta itu.

## Sudah kumpul RM130,000

Katanya, setakat ini pihaknya sudah mengumpul RM130,000 yang antaranya dikumpul menerusi sumbangan pelajar serta kutipan tabung di masjid sekitar negeri ini.

"Kita akan mula memperhebatkan promosi awal tahun depan, antaranya termasuk melantik selebriti popular dari Pahang untuk menjadi ikon kepada inisiatif Mahasiswa Bina Masjid.

"Bagaimanapun ia masih pada peringkat perbincangan, selepas semuanya selesai baru boleh diumumkan.

"Kita mahu mewujudkan satu gelombang hebat dalam kalangan masyarakat dan syarikat korporat supaya bersama-sama menjayakan pembinaan masjid ini."

## Jumlah tidak membebarkan

"Hanya dengan serendah RM1, orang ramai boleh menyumbang yang jumlahnya tidak membebarkan, syarikat korporat juga layak mendapatkan pelepasan cukai sekiranya memberi sumbangan," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Mengikut perancangan, masjid UMP Pekan akan dibina atas tapak seluas tiga hektar dengan kos RM21 juta, yang dijangka mampu dimanfaatkan bukan sahaja warga universiti awam itu tetapi, penduduk setempat.

Masjid berkenaan dijangka mampu memuatkan 3,500 jemaah pada satu-satu masa dan antara keunikannya adalah ia menggunakan teknologi hijau untuk penjanaan serta menjimatkan sumber air serta elektrik.

Mohd Redzuad Ras berkata, pihaknya terpanggil menyahut seruan supaya mahasiswa bersama-sama menjayakan pembinaan masjid UMP Kampus Pekan kerana percaya peranan golongan itu tidak hanya tertumpu kepada akademik semata-mata tetapi aktiviti tambahan mampu meningkatkan kemahiran insaniah.

## Cara sampai derma

### Info

→ Akaun Maybank

Bendahari UMP (Masjid)

556235310493

→ Hubungi Mohd Redzuad

Ras nombor 017-313 7023.